

01 JUL 2002

NAM-Malaysia

MALAYSIA PULANG KE ASAL DALAM PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI

Laporan Khas

Oleh: Santha Oorjitham

KUALA LUMPUR: Apabila Malaysia yang baru merdeka ketika itu cuba mendapatkan keanggotaan dalam Pergerakan Negara Berkecuali, ia mendapati permohonannya itu tidak diendahkan.

Namun itu merupakan kisah empat dekad yang lalu ketika Malaysia sedang mencari identiti. Menjelang Februari tahun depan, Malaysia akan menerajui pertubuhan itu yang dianggotai oleh lebih 120 negara-negara dunia ketiga yang mempunyai lebih separuh daripada penduduk dunia.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia melihat peranannya sebagai pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali tahun depan sebagai satu bentuk pengiktirafan.

Beliau berkata walaupun Malaysia tidak berkempen bagi jawatan itu, ia telah diminta menjadi tuan rumah sidang kemuncak ketua-ketua kerajaan dan menerajui pertubuhan itu.

Malaysia telah melalui pelbagai pahit maung sejak 1960-an, apabila anggota-anggota NAM menghalang kemasukannya ke dalam pergerakan itu, melabelkannya sebagai boneka Barat.

Bername menemubual beberapa veteran politik mengenai sejarah pahit maung Malaysia dengan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang kini berusia 50 tahun.

Ketua-ketua kerajaan Pergerakan Negara Berkecuali pertama kali mengadakan pertemuan di Belgrade, Yugoslavia pada 1961, dengan 25 negara mengambil bahagian.

Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman, tidak mahu menyertainya kerana NAM dilihat sebagai sosialis dan negara yang baru merdeka itu tidak mahu menyinggung mana-mana kuasa asing pada ketika itu, terutamanya Britian.

Bekas timbalan perdana menteri Tan Sri Musa Hitam mengimbas kembali peristiwa itu dengan menyatakan bahawa timbalan kepada Tunku, Tun Abdul Razak Hussein, dan ahli-ahli politik yang lebih muda mahu Malaysia mempunyai suara dalam NAM -- sekurang-kurangnya sebagai pemerhati.

"Tun Razak tidak membantah Tunku yang berpendirian teguh dan pro politik Barat pada ketika itu," kata Musa, setiausaha politik kepada Menteri Pengangkutan Tan Sri Sardon Jubir pada ketika itu.

"Tetapi Tun Razak mempunyai pandangan jauh bahawa kami perlu diwakili, perlu berhubung."

Kemudian, di antara sidang kemuncak NAM kedua pada 1964 dan 1969, Malaysia mahu menyertainya tetapi Indonesia menghalang keanggotaannya, mendakwa Malaysia pro-Barat, pro-imperialis dan kapitalis.

STRATEGI AAPSO

Malaysia yang menyokong NAM kemudiannya mengguna pakai strategi baru untuk memasuki pergerakan itu dengan menubuhkan cawangan Malaysia bagi Pertubuhan Perpaduan Rakyat Afro-Asia (AAPSO), sebuah pertubuhan hadapan NAM.

Delegasi lapan anggota yang diketuai oleh Anggota Parlimen muda Dr Mahathir Mohamad, telah cuba menghadiri persidangan antarabangnya di Winneba, Ghana, pada 1965.

Tan Sri Abdullah Ahmad, yang pada ketika itu ialah setiausaha politik kepada Tun Razak, merupakan sebahagian anggota kumpulan itu yang telah tidak dibenarkan masuk ke persidangan itu. Tetapi mereka bertemu dengan beberapa tokoh yang menghadiri persidangan itu dan mengeluarkan beberapa

kenyataan.

"Mereka sedar bahawa cara untuk mengatasi bantahan Indonesia ialah bagi kita untuk pergi ke persidangan berkenaan dan memberikan penjelasan bahawa Malaysia bukannya neokolonialisme seperti yang didakwa -- dan kita berjaya," kata Abdullah dalam tulisannya mengenai insiden itu dalam "Tunku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy, 1963 - 1970". (Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia, 1963-1970).

Bekas Presiden MCA Tan Sri Lee San Choon, seorang lagi anggota delegasi itu, berkata Tunku mendapat tahu mengenai lawatan itu semasa mereka dalam perjalanan pulang dan dilaporkan sebagai sangat marah.

Lee dan beberapa lagi anggota tinggal di Kaherah beberapa hari kerana mereka tidak tahu sama ada mahu pulang ke Kuala Lumpur atau tunggu sehingga semuanya reda kembali.

"Dikatakan bahawa Tunku sungguh marah dan mungkin akan mengambil tindakan," kata Lee, yang juga merupakan Anggota Parlimen muda ketika itu.

Malaysia juga cuba menghadiri sidang kemuncak NAM ketiga yang dijadualkan diadakan di Algeria pada pertengahan 1960-an.

Sidang kemuncak itu dibatalkan kerana berlakunya rampasan kuasa tetapi anggota muda delegasi Malaysia berjaya masuk ke venue sidang kemuncak itu walaupun Malaysia tidak didaftarkan.

"Semuanya dalam keadaan kacau bilau, tidak tentu arah," imbas Musa. "Kami berada di situ tetapi tidak diterima sebagai anggota, bukannya kerana kami tidak diterima tetapi tidak ada persidangan. Tetapi Malaysia telah cuba melibatkan diri," katanya.

Malaysia akhirnya menjadi anggota NAM pada 1970, selepas Tunku Abdul Rahman bersara.

PERANAN BARU DALAM PERGERAKAN LAMA

Pergerakan Negara Berkecuali boleh memainkan peranan dalam proses globalisasi, dan Malaysia, sebagai pengerusinya dari 2003 hingga 2006, juga boleh memainkan peranan penting dalam NAM.

Malahan, Malaysia mula menjadi pemimpin dalam pertubuhan itu apabila ia mula aktif pada awal 1980-an di bawah pimpinan Dr Mahathir.

Perdana Menteri telah menghadiri semua sidang kemuncak pergerakan itu semasa tempoh penggalnya keucuali pada sidang kemuncak 1998 di Durban, Afrika Selatan.

Pada sidang kemuncak berkenaan, beliau menumpukan pada Kerjasama Selatan-Selatan, Dialog Utara-Selatan, pembangunan dan pelucutan senjata nuklear.

Saintis politik Nigeria Madu Magnus Emeka, yang merupakan pelajar peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Kebangsaan Malaysia, berkata Malaysia telah menjadi barisan depan dalam mengetengahkan kepentingan negara-negara membangun di pentas antarabangsa, seperti kawalan mata wang dan membuka pasaran barat bagi barangan dari negara-negara sedang membangun.

Tahun depan, beliau berkata, semasa Malaysia mempengerusikan NAM, sidang kemuncak itu akan menentukan hala tuju masa depan negara-negara Afrika dan Asia.

"Kebanyakan negara-negara Afrika datang ke sini untuk belajar daripada Malaysia mengenai bagaimana untuk mengendalikan masalah-masalah rumit," katanya, "dan apa yang telah mereka lakukan sekarang malahan telah ditiru oleh beberapa negara lain, yang akan dijadikan keutamaan."

Bekas timbalan perdana menteri Musa Hitam berkata Malaysia telah melalui pelbagai pahit maung untuk menjadi tuan rumah sidang kemuncak NAM tahun depan dan menerajui kumpulan itu dari 2003 hingga 2006.

Beliau mengimbas kembali peristiwa pada pertengahan 1960-an semasa Malaysia dihalang daripada menganggotai NAM.

"Kami mengetuk pintu dan mereka menutup pintu," katanya. "Mereka mengunci pintu. Kami tidak dapat masuk. Ada kalanya, kami akan mengetuk pintu dan merayu agar diterima masuk."

PENGARUH NAM

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata NAM boleh memainkan peranan untuk mempengaruhi proses globalisasi supaya NAM tidak dipencilkan dalam trend pembangunan global.

"Kami mahu melihat kebangkitan sistem ekonomi, sistem perdagangan, sistem kewangan yang lebih adil, saksama, tidak berat sebelah, cuba mengseimbangkannya supaya kita berpeluang bersaing dengan lebih adil.

Malaysia kini adalah sebahagian Troika NAM di masa silam, sekarang dan pengerusi masa depan.

Malaysia juga telah menjadi tuan rumah sidang kemuncak G-15 pada 1990 dan 1997 dan kini menerajui Pasukan Khas ICT G-15.

G-15, dengan 19 negara anggota dianggap lebih maju di kalangan negara-negara Dunia Ketiga, adalah cabang langsung Sidang Kemuncak NAM ke-9 di Belgrade, Yugoslavia pada 1989. Misinya ialah untuk menjana lebih banyak pertukaran perdagangan dan ekonomi di kalangan anggota-anggota NAM.

-- BERNAMA

SMO KGO RHM RR